

HARI : SELASA
 TARIKH : 8/10/2019
 M/SURAT : 4

ANALISIS

Oleh YULPISMAN ASLI

Sejauh mana PSP mampu membantu rakyat?

AKHIRNYA, penantian rakyat berhubung agihan subsidi petrol bersasar berakhir apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengumumkan pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) yang akan bermula pada Januari 2020, lebih kurang tiga bulan lagi.

Seperti dilaporkan, penerima PSP merupakan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memiliki kenderaan 1600cc dan ke bawah, dan kereta melebihi 1600cc yang berjangka hayat 10 tahun dan ke atas. Manakala kategori motosikal yang layak ialah motosikal 150cc dan ke bawah dan motosikal melebihi 150cc yang berusia tujuh tahun dan ke atas.

Kadar subsidi pula ialah RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 sebulan bagi motosikal membabitkan seramai 2.86 juta penerima dengan anggaran tanggungan sebanyak RM65.4 juta sebulan kepada kerajaan. Bantuan tunai akan dikreditkan terus ke akaun penerima setiap empat bulan sekali.

Itulah hasil kajian berbulan-bulan pihak kementerian dalam mencari mekanisme terbaik pelaksanaan pemberian subsidi petrol bersasar yang dipanggil PSP. Sama ada mekanisme yang diumumkan itu adalah yang terbaik atau tidak, kita sama-sama nantikan.

Persoalan lain ialah sejauh mana bantuan PSP itu dapat membantu kumpulan sasaran terutama mereka yang hidup di bandar-bandar? Sebenarnya, masih samar dan mungkin juga masih awal untuk dinilai sejauh mana pemberian sebanyak RM30 dan RM12 sebulan atau RM360 dan RM144 setahun itu, dapat meringankan beban hidup mereka.

Satu lagi, tidak dapat dipastikan sama ada pemberian bantuan tersebut mengambil kira harga petrol yang akan kembali diapungkan kelak. Sekiranya tidak, adalah amat malang bagi penerima BSH yang pastinya bakal berdepan tekanan hidup berganda pada masa hadapan.

Ini kerana, kerajaan dilaporkan akan mengapungkan kembali harga petrol RON95 yang ketika ini ditambat pada harga RM2.08 seliter, sebaik sahaja PSP dilaksanakan. Langkah itu wa-

laupun dikritik banyak pihak mengambil kira janji-janji kerajaan sebelum pilihan raya umum lalu, namun ia sedikit sebanyak melegakan rakyat kebanyakan.

Apa yang turut menjadi persoalan dalam kalangan kebanyakan rakyat ialah, bagaimana dengan bukan penerima BSH yang tidak layak mendapat PSP? Apa inisiatif kerajaan bagi membantu mereka menangani kos sara hidup yang saban hari meningkat dan dijangka bakal meningkat lagi selepas RON95 diapungkan semula.

Jika sebelum ini rakyat kebanyakan mengeluh ke naikan kos barang dan sara hidup, keputusan kerajaan kembali mengapungkan harga petrol pasti menambah lagi tekanan hidup mereka. Ini belum mengambil kira berita yang tersebar kemungkinan kerajaan melaksanakan pelbagai cukai selain SST pada masa depan untuk meningkatkan perolehan kerajaan.

Justeru, adalah menjadi kerisauan banyak pihak selepas ini kesan rantaian dari pada apungan harga RON95 yang diguna pakai oleh kebanyakan kenderaan di Malaysia. Benar, jika harga pasaran jatuh, harga RON95 juga akan turun dan begitu sebaliknya.

Pun begitu, mengambil kira perkembangan harga RON97 yang diapungkan, trend turun naik harga RON95 kelak dibimbangi akan mencetuskan suasana tidak menentu harga barang keperluan pengguna di pasaran. Kos pengangkutan selalunya faktor kepada peningkatan harga barang. Kesannya sudah tentu kepada kehidupan dan ke sejahteraan rakyat.

Barangan apabila sudah naik harga, amat sukar untuk turun dan jika turun pun nisbahnya amat kecil berbanding semasa naik. Sejauh mana pihak berkuasa mampu mengekang ke naikan harga barang yang bakal berlaku susulan pelaksanaan PSP dan pengapungan semula RON95, bakal diuji selepas ini.

Apapun, kita tunggu dan lihat sejauh mana pihak KPDNHEP selaku kementerian bertanggungjawab, dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan. Janganlah nanti hanya gah dari segi kata-kata, namun kosong dalam aspek penguatkuasaan.